

No. 9887.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(LALU LINTAS) 2026

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan Pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JALAN DALAM KAMPUS

3. Jalan Universiti
4. Had Laju dan Tanda Isyarat
5. Menguatkuasakan Keselamatan Jalan Dalam Kampus
6. Mengalihihkan Struktur atau Binaan daripada Jalan dalam Kampus

BAHAGIAN III

KEBENARAN MEMBAWA MASUK KENDERAAN MOTOR DALAM KAMPUS

7. Kebenaran Bertulis Daripada Naib Canselor
8. Tidak Mendapat Kebenaran Bertulis Membawa Masuk Kenderaan Motor Ke Dalam Kampus
9. Tidak Mempamer Kebenaran Bertulis Daripada Naib Canselor Untuk Membawa Masuk Kenderaan Motor Ke Dalam Kampus
10. Mengadakan Daftar Kebenaran Bertulis Kenderaan Motor Masuk Ke Dalam Kampus

## BAHAGIAN IV

## LALU LINTAS

11. Arahan Am Lalu Lintas Dalam Kampus
12. Mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987

## BAHAGIAN V

## LARANGAN AM DAN KESALAHAN LALU LINTAS DALAM KAMPUS

13. Larangan Am Bagi Orang Yang Menggunakan Kenderaan Motor Dalam Kampus
14. Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas

## BAHAGIAN VI

## AKIBAT PELANGGARAN KAEDAH-KAEDAH

15. Akibat Melanggar Kaedah-Kaedah

## BAHAGIAN VII

## AM

16. Kadar Fi Pemulihan Perlanggaran dan Penyitaan Kenderaan atau Kenderaan Motor
17. Kaedah-Kaedah Ini Tidak Mengurangkan Tanggungan Undang-Undang
18. Pembelaan terhadap Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(LALU LINTAS) 2026

Suatu kaedah-kaedah bagi menyediakan peruntukan untuk mengawal, mengawas dan menyelia keselamatan dan kelancaran lalu lintas jalan dalam Universiti Putra Malaysia termasuk mengawal, mengawas dan menyelia penggunaan jalan raya, laluan kenderaan termasuk laluan basikal atau laluan khas lain, tempat meletak kenderaan, dan tanda isyarat keselamatan jalan, dan menguatkuasakan peruntukan berkaitan perkara tersebut dan menyediakan peruntukan bagi perkara lain yang berhubungan dengannya selaras dengan seksyen 4(1)(r), (t) dan (u) Perlembagaan UPM.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia, Lembaga membuat Kaedah-Kaedah berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan Pemakaian**

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Lalu Lintas Jalan) 2026.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai di semua kampus Universiti dalam Malaysia.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberikan oleh orang yang diberikan kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam kampus;

“isyarat lalu lintas” ertinya isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arah isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan bagi pengetahuan, panduan atau petunjuk orang yang menggunakan jalan termasuk lampu isyarat;

“Kampus” ertinya Kampus Universiti Putra Malaysia seperti yang diwartakan melalui Perintah (Perbadanan) Universiti Putra Malaysia 1971 [*P.U. (A) 387/1971*] dan Perintah Universiti Pertanian Malaysia (Kampus) (No. 2) 1987 [*P.U. (A) 311/1987*] dan termasuklah apa-apa kampus yang ditubuhkan di bawah Akta Kolej Universiti dan Universiti 1971;

“kenderaan motor” ertinya tiap-tiap perihalan kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian kenderaan yang ditarik sedemikian menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

“meletak kenderaan” ertinya membawa sesuatu kenderaan kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta merta orang, barang-barang atau bagasi;

“orang awam” ertinya mana-mana orang yang bukannya seorang staf atau pelajar Universiti Putra Malaysia;

“sita” termasuklah mengunci tayar atau menunda kenderaan motor;

“staf” ertinya pegawai atau pekerja Universiti mengikut tafsiran yang dinyatakan dalam Perlembagaan Universiti;

“tempat meletak kenderaan” ertinya suatu tempat yang diasingkan sebagai tempat di mana kenderaan atau mana-mana perihalan kenderaan yang dinyatakan diletak.

## BAHAGIAN II

### JALAN DALAM KAMPUS

#### **Jalan Universiti**

3. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, jalan yang di bawah had kuasa Naib Canselor, atau staf yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab keselamatan Universiti, atau staf lain dalam Universiti yang diberikan kuasa oleh Naib Canselor untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tanggungjawab yang dikenakan oleh Kaedah-Kaedah, ini adalah seperti dalam Jadual Pertama.

(2) Jadual Pertama boleh dari semasa ke semasa dipinda oleh Naib Canselor.

#### **Had Laju dan Tanda Isyarat**

4. (1) Naib Canselor boleh melalui arahan bertulis menetapkan had laju bagi semua jalan yang disebut dalam Jadual Pertama.

(2) Naib Canselor boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa isyarat lalu lintas diletakkan di jalan atau berhampiran dengan jalan, dan boleh dari semasa ke semasa membaiki, mengubahkan, menukarkan atau mengalihkannya.

(3) Staf yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab keselamatan Universiti, atau staf lain dalam Universiti yang diberikan kuasa oleh Naib Canselor untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tanggungjawab yang dikenakan oleh Kaedah-Kaedah ini yang bertindak dalam menjalankan

tugasnya itu, boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa isyarat lalu lintas diletakkan dan disenggarakan di mana-mana jalan atau berhampiran dengan jalan bagi menguatkuasakan apa-apa arahan, larangan, sekatan, pengawalseliaan atau kawalan lalu lintas.

(4) Walau apapun yang disebut dalam seksyen ini, Naib Canselor boleh memberikan arahan am berkenaan had laju dan tanda isyarat lalu lintas pada mana-mana jalan lain yang ada dalam kampus yang tidak disebut dalam Jadual Pertama dan subkaedah (2) dan (3) hendaklah terpakai mutatis mutandis.

### **Menguatkuasakan Keselamatan Jalan Dalam Kampus**

5. (1) Mana-mana staf yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab keselamatan Universiti atau staf lain dalam Universiti yang diberikan kuasa oleh Naib Canselor untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tanggungjawab yang dikenakan oleh Kaedah-Kaedah ini, boleh bagi maksud menjaga keselamatan Universiti, mengelakkan pencerobohan kawasan Universiti atau mengelakkan perbuatan jenayah dalam Kampus, mengadakan sekatan jalan raya, membuat pemeriksaan atau pengegedahan mana-mana kenderaan atau mana-mana orang yang bersama dengan kenderaan itu di sesuatu jalan dalam Kampus.

(2) Bagi tujuan subkaedah 5(1), staf yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab keselamatan Universiti atau staf lain dalam Universiti yang diberikan kuasa oleh Naib Canselor untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas yang dikenakan oleh Kaedah-Kaedah ini boleh mendirikan atau meletakkan apa-apa galangan yang perlu dan suai manfaat bagi tujuan sekatan jalan raya, pemeriksaan atau pengegedahan kenderaan, dengan syarat sekatan jalan raya, pemeriksaan atau pengegedahan itu dilakukan oleh staf Universiti yang berpakaian seragam.

(3) Setiap staf, pelajar atau orang awam hendaklah memberikan kerjasama kepada staf yang disebutkan dalam subkaedah 5(1) dan (2) menjalankan tugasnya melakukan sekatan jalan, pemeriksaan atau pengegedahan kenderaan.

(4) Staf, pelajar atau orang awam yang tidak memberi kerjasama boleh diambil tindakan mengikut peruntukan yang terdapat dalam Kaedah-Kaedah ini.

### **Mengalihkan Struktur atau Binaan daripada Jalan dalam Kampus**

6. Mana-mana staf yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab keselamatan Universiti atau staf lain dalam Universiti yang diberikan kuasa oleh Naib Canselor untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas yang dikenakan oleh Kaedah-Kaedah ini boleh mengalihkan apa-apa struktur atau binaan yang telah diletakkan, didirikan atau ditegakkan pada atau di atas, atau berhampiran sesuatu jalan sekiranya struktur atau binaan itu diletakkan, didirikan atau ditegakkan tanpa kebenaran bertulis Naib Canselor.

## BAHAGIAN III

## KEBENARAN MEMBAWA MASUK KENDERAAN MOTOR DALAM KAMPUS

**Kebenaran Bertulis Daripada Naib Canselor**

7. (1) Seseorang yang ingin membawa masuk kenderaan motor ke dalam Kampus hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Naib Canselor sebelum membawa masuk kenderaan motor itu ke dalam Kampus.

(2) Kebenaran bertulis daripada Naib Canselor itu boleh diberikan oleh Naib Canselor dalam apa-apa jua bentuk dan kebenaran bertulis itu hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di kenderaan motor itu.

(3) Naib Canselor boleh memberikan kebenaran bertulis bagi membawa masuk kenderaan motor ke dalam seluruh Kampus Universiti atau ke kawasan tertentu dalam Kampus, pada setiap masa atau pada sebilangan hari tertentu, dan boleh juga mengenakan apa-apa syarat lain bagi kebenaran bertulis itu.

(4) Naib Canselor boleh selain menetapkan syarat seperti dalam subkaedah 7(3), mengenakan apa-apa fi bagi kebenaran bertulis itu.

(5) Naib Canselor boleh enggan memberikan kebenaran bertulis, atau membatalkan apa-apa kebenaran bertulis yang telah diberikan, jika Naib Canselor berpuas hati bahawa bukan demi kepentingan Universiti orang itu diberikan kebenaran bertulis bagi membawa masuk kenderaan motor ke dalam Kampus.

**Tidak Mendapat Kebenaran Bertulis Membawa Masuk Kenderaan Motor Ke Dalam Kampus**

8. (1) Mana-mana orang yang tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor bagi membawa masuk kenderaan motor ke dalam Kampus, dilarang membawa masuk kenderaan motor itu ke dalam Kampus.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor untuk dibawa masuk ke Kampus tetapi kenderaan motor berada di dalam Kampus, boleh disita dan fi penyitaan kenderaan motor itu hendaklah ditanggung oleh orang yang membawa masuk kenderaan motor itu ke dalam Kampus.

(3) Sekiranya orang yang membawa masuk kenderaan motor yang tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor itu ialah seorang staf Universiti, orang itu boleh, selain daripada dikenakan tindakan di bawah subkaedah 8(2), dikenakan juga tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

(4) Sekiranya orang yang membawa masuk kenderaan motor yang tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor itu ialah seorang pelajar Universiti, orang itu boleh, selain daripada dikenakan tindakan di bawah subkaedah 8(2), dikenakan juga hukuman tatatertib mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2024.

(5) Sekiranya orang yang membawa masuk kenderaan motor yang tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Naib Canselor itu ialah orang awam, orang awam itu boleh dikenakan tindakan di bawah subkaedah 8(2) dan dianggap sebagai penceroboh dan boleh dikeluarkan dari Kampus Universiti serta merta.

(6) Fi penyitaan kenderaan motor hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan di Bahagian VII Kaedah-Kaedah ini.

### **Tidak Mempamer Kebenaran Bertulis Daripada Naib Canselor Untuk Membawa Masuk Kenderaan Motor Ke Dalam Kampus**

9. (1) Mana-mana orang yang telah memperoleh kebenaran bertulis daripada Naib Canselor bagi membawa masuk kenderaan motor ke dalam Kampus tetapi tidak mempamerkan kebenaran bertulis itu di tempat yang mudah dilihat pada kenderaan motornya itu, dilarang membawa masuk kenderaan motor itu ke dalam Kampus.

(2) Mana-mana orang yang telah memperoleh kebenaran bertulis daripada Naib Canselor bagi membawa masuk kenderaan motor ke dalam Kampus tetapi tidak mempamerkan kebenaran bertulis itu di tempat yang mudah dilihat pada kenderaan motornya itu dan kenderaan motor itu didapati berada di dalam Kampus, kenderaan motor itu boleh disita dan fi penyitaan kenderaan motor itu hendaklah ditanggung oleh orang yang membawa masuk kenderaan motor itu ke dalam Kampus.

(3) Sekiranya orang yang tidak mempamerkan kebenaran bertulis yang diperolehnya daripada Naib Canselor untuk membawa masuk kenderaan motor itu di tempat yang mudah dilihat ialah seorang staf Universiti, orang itu boleh, selain daripada dikenakan tindakan di bawah subkaedah 9(2), dikenakan juga tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

(4) Sekiranya orang yang tidak mempamerkan kebenaran bertulis yang diperolehnya daripada Naib Canselor untuk membawa masuk kenderaan motor itu di tempat yang mudah dilihat ialah seorang pelajar Universiti, orang itu boleh, selain daripada dikenakan tindakan di bawah subkaedah 9(2), atau diambil tindakan tatatertib mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2024.

(5) Sekiranya orang yang tidak mempamerkan kebenaran bertulis yang diperolehnya daripada Naib Canselor untuk membawa masuk kenderaan motor itu di tempat yang mudah dilihat ialah orang selain daripada staf atau pelajar Universiti, orang itu hendaklah dianggap sebagai penceroboh dan boleh diarah keluar dari Kampus dengan serta merta.

### **Mengadakan Daftar Kebenaran Bertulis Kenderaan Motor Masuk Ke Dalam Kampus**

10. (1) Ketua yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab keselamatan dalam Kampus hendaklah mengadakan dan menyelenggara suatu daftar kebenaran bertulis bagi membawa masuk kenderaan motor ke dalam Kampus.

(2) Daftar kebenaran bertulis masuk ke dalam Kampus boleh diadakan dalam apa-apa jua bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat, perincian dan butir-butir sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Ketua yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab keselamatan dalam Kampus.

(3) Tiap-tiap maklumat, perincian dan butir-butir dalam daftar kebenaran bertulis masuk ke dalam Kampus itu hendaklah diklasifikasikan sebagai rahsia dan tiap-tiap orang yang memperoleh maklumat, perincian dan butir-butir dalam daftar kebenaran bertulis itu hendaklah menyimpan kerahsiaannya.

#### BAHAGIAN IV

#### LALU LINTAS

#### **Arahan Am Lalu Lintas Dalam Kampus**

11. (1) Seseorang yang diberi kebenaran bertulis membawa masuk kenderaan motor dalam Kampus hendaklah—

- (a) memandu atau menunggang dengan cermat dan tidak membahayakan keselamatan pengguna jalan yang lain;
- (b) memandu atau menunggang di laluan atau jalan yang ditetapkan bagi kenderaan motor itu;
- (c) memandu atau menunggang dengan mematuhi arahan lalu lintas dan tanda isyarat lalu lintas;
- (d) memandu atau menunggang mengikut had laju yang ditetapkan bagi jalan itu;
- (e) meletakkan kenderaan motor di tempat yang ditetapkan dan tidak menghalang kelancaran lalu lintas dalam Kampus; dan
- (f) tidak meletakkan kenderaan motor di ruang yang diuntukkan bagi kenderaan atau kenderaan motor tertentu.

(2) Seseorang yang membawa atau menunggang kenderaan selain kenderaan motor dalam Kampus hendaklah—

- (a) membawa atau menunggang kenderaan itu dengan cermat, mematuhi isyarat lalu lintas dan tidak membahayakan keselamatan pengguna jalan yang lain;
- (b) membawa atau menunggang kenderaan itu di laluan atau jalan yang ditetapkan bagi kenderaan itu;
- (c) membawa atau menunggang kenderaan itu dengan mematuhi arahan lalu lintas dan isyarat lalu lintas;

- (d) meletakkan kenderaan di tempat yang ditetapkan dan tidak menghalang kelancaran lalu lintas dalam Kampus; dan
- (e) tidak meletakkan kenderaan di ruang yang ditentukan bagi kenderaan atau kenderaan motor lain.

(3) Mana-mana kenderaan motor, atau kenderaan selain kenderaan motor yang diletakkan di ruang yang diuntukkan bagi kenderaan motor tertentu, atau diletakkan dengan cara yang menghalang kelancaran lalu lintas dalam Kampus, boleh disita dan fi penyitaan hendaklah ditanggung oleh orang yang membawa masuk kenderaan motor atau kenderaan selain motor itu ke dalam Kampus.

### **Mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987**

12. Semua pengguna jalan dalam Kampus hendaklah mematuhi semua peruntukan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987.

## **BAHAGIAN V**

### **LARANGAN AM DAN KESALAHAN LALU LINTAS DALAM KAMPUS**

#### **Larangan Am Bagi Orang Yang Menggunakan Kenderaan Motor Dalam Kampus**

13. Tiap-tiap orang yang menggunakan jalan di dalam Kampus dilarang daripada—

- (a) memandu atau menunggang kenderaan motor tanpa mempunyai lesen yang sah;
- (b) memandu atau menunggang kenderaan motor yang cukai jalannya telah tamat tempoh;
- (c) memandu kenderaan motor di atas bahu jalan, laluan pejalan kaki, laluan basikal atau apa-apa laluan yang ditetapkan untuk kenderaan lain, atas rumput atau dalam mana-mana kawasan dalam Kampus yang tidak dimaksudkan bagi laluan kenderaan motor;
- (d) membonceng lebih dari daripada seorang bagi kenderaan motor beroda dua;
- (e) tidak memakai tali pinggang keledar bagi kenderaan motor beroda empat atau topi keledar bagi kenderaan motor beroda dua;
- (f) berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu kelancaran lalu lintas dalam Kampus; atau
- (g) memandu dalam keadaan berbahaya atau melulu.

**Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas**

14. (1) Seseorang yang menggunakan jalan dalam Kampus dan tidak mematuhi Kaedah 8, Kaedah 9, arahan am lalu lintas di bawah subkaedah 11, larangan am di bawah Kaedah 13, Akta Pengangkutan Jalan 1987 di bawah Kaedah 12, melakukan suatu pelanggaran Kaedah-Kaedah dan hendaklah diberikan Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas dan hendaklah dikendalikan mengikut Bahagian VI Kaedah-Kaedah ini.

(2) Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas yang disebut subkaedah 14(3) hendaklah dikeluarkan mengikut borang seperti dalam Jadual Kedua.

(3) Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas yang disebut subkaedah 14(2) hendaklah dikeluarkan oleh pegawai yang ditanggungkan dengan tanggungjawab keselamatan Universiti seperti dalam Jadual Ketiga.

**BAHAGIAN VI****AKIBAT PELANGGARAN KAEDAH-KAEDAH****Akibat Melanggar Kaedah-Kaedah**

15. (1) Seseorang yang melanggar Kaedah-Kaedah ini boleh dikenakan fi pemulihan pelanggaran selain dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta 605 sekiranya dia adalah seorang staf atau mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2024 jika dia ialah seorang pelajar Universiti.

(2) Mana-mana orang awam yang tidak mematuhi Kaedah-Kaedah ini boleh dikenakan fi pemulihan pelanggaran selain dihalang dari memasuki Kampus dan mana-mana orang yang dihalang dari memasuki Kampus tetapi masih berada di dalam Kampus dianggap penceroboh dan orang itu boleh dikeluarkan serta merta dari Kampus Universiti.

(3) Apa-apa fi pemulihan pelanggaran yang dikenakan melalui Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas mengikut di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibayar kepada Bursar dalam tempoh 14 hari dari tarikh fi pemulihan pelanggaran itu dikenakan. Apa-apa fi pemulihan pelanggaran yang tidak dibayar hendaklah dianggap sebagai hutang kepada Universiti.

(4) Sekiranya sitaan kenderaan motor di bawah perenggan Kaedah 8(2) melibatkan penguncian tayar, mana-mana staf, pelajar atau orang awam hendaklah mengganti rugi Universiti kos kerosakan sejumlah RM500.00 bagi setiap satu kerosakan yang dilakukan ke atas alat sita penguncian tayar itu.

(5) Apa-apa fi bawah kaedah 15 Kaedah-Kaedah yang tidak dibayar oleh seseorang staf, pelajar atau orang awam hendaklah disifatkan sebagai hutang kepada Universiti.

BAHAGIAN VII

AM

**Kadar Fi Pemulihan Perlanggaran dan Penyitaan Kenderaan atau Kenderaan Motor**

16. (1) Kadar fi pemulihan perlanggaran dan penyitaan kenderaan atau kenderaan motor hendaklah ditetapkan oleh Bursar dari semasa ke semasa mengikut Notis dalam Jadual Kedua.

(2) Fi pemulihan perlanggaran dan penyitaan kenderaan atau kenderaan motor hendaklah dibayar kepada Bursar sebelum kenderaan atau kenderaan motor itu dilepaskan daripada sitaan.

**Kaedah-Kaedah Ini Tidak Mengurangkan Tanggungan Undang-Undang**

17. Tiada apa-apa dalam Kaedah-Kaedah ini yang mengurangkan tanggungan undang-undang mana-mana staf, pelajar atau orang awam bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

**Pembelaan terhadap Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas**

18. Maka hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi apa-apa Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas jika seseorang staf atau pelajar Universiti mengemukakan keterangan yang menunjukkan bahawa:

- (a) dia telah dan atau sedang dalam proses menghadapi tindakan di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2024; atau
- (b) tindakan telah diambil atau sedang diambil di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu terhadap dirinya;

bagi kesalahan yang disebut dalam Notis Pemberitahuan Kesalahan Lalu Lintas itu.

Dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 9 Disember 2025  
Minit Mesyuarat LPU 187/21  
[UPM/PPUU/600-1/3/6 Kaedah Lalu Lintas]

DATO' SRI JAILANI JOHARI  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pengarah*  
*Universiti Putra Malaysia*

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 3(1) dan (2)]

A. KAMPUS SERDANG, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

| BIL. | NAMA JALAN                | PANJANG<br>(Meter) | BIL.<br>LORONG | LANE-KM |
|------|---------------------------|--------------------|----------------|---------|
| 1.   | LORONG KEKABU 1           | 182                | 1              | 182     |
| 2.   | LORONG KEKABU 2           | 185                | 1              | 185     |
| 3.   | LORONG KEKABU 3           | 183                | 1              | 183     |
| 4.   | LORONG KEKABU 4           | 229                | 1              | 229     |
| 5.   | LORONG KEKABU 5           | 241                | 1              | 241     |
| 6.   | LORONG KEKABU 6           | 243                | 1              | 243     |
| 7.   | LORONG KEKABU             | 422                | 1              | 422     |
| 8.   | JALAN MASUK KPU           | 717                | 2              | 1434    |
| 9.   | JALAN PONGGAMIA           | 1112               | 1              | 1112    |
| 10.  | JALAN SAPUCAYA            | 445                | 2              | 890     |
| 11.  | LORONG SAPUCAYA           | 264                | 2              | 527     |
| 12.  | PERSIARAN ASAM JAWA       | 1136               | 1              | 1136    |
| 13.  | JALAN BOUNGAINVILLA       | 150                | 1              | 150     |
| 14.  | JALAN PENAGA              | 281                | 1              | 281     |
| 15.  | LORONG ASAM JAWA          | 371                | 2              | 742     |
| 16.  | LORONG TULANG DAING       | 287                | 1              | 287     |
| 17.  | PERSIARAN DEWAN BESAR     | 169                | 1              | 169     |
| 18.  | PERSIARAN MASJID          | 1002               | 2              | 2005    |
| 19.  | PERSIARAN TULANG<br>DAING | 616                | 1              | 616     |
| 20.  | PERSIARAN UNIVERSITI      | 660                | 2              | 1321    |
| 21.  | JALAN JURUTRERA           | 623                | 2              | 1247    |
| 22.  | JALAN SENIBINA            | 245                | 1              | 245     |
| 23.  | LORONG JURUTERA 1         | 1259               | 2              | 2517    |
| 24.  | LORONG JURUTERA 2         | 323                | 2              | 646     |
| 25.  | LORONG KOLEJ 10-11        | 901                | 1              | 901     |
| 26.  | LORONG SENIBINA 1         | 471                | 1              | 471     |
| 27.  | LORONG SENIBINA 2         | 342                | 1              | 342     |

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

13hb April 2026]

8561

| BIL. | NAMA JALAN         | PANJANG<br>(Meter) | BIL.<br>LORONG | LANE-KM |
|------|--------------------|--------------------|----------------|---------|
| 28.  | LORONG SENIBINA 3  | 499                | 1              | 499     |
| 29.  | LORONG PONGGAMIA 1 | 54                 | 1              | 54      |
| 30.  | LORONG PONGGAMIA 2 | 153                | 1              | 153     |
| 31.  | LORONG PONGGAMIA 3 | 154                | 1              | 154     |
| 32.  | LORONG PONGGAMIA 4 | 357                | 1              | 357     |
| 33.  | LORONG PONGGAMIA 5 | 311                | 1              | 311     |
| 34.  | LORONG PONGGAMIA 6 | 144                | 1              | 144     |
| 35.  | JALAN ALPHA        | 1137               | 1              | 1137    |
| 36.  | JALAN PALAPES      | 444                | 1              | 444     |
| 37.  | JALAN KLINIK GIGI  | 156                | 2              | 311     |
| 38.  | JALAN KOLEJ KEENAM | 399                | 1              | 399     |
| 39.  | JALAN KPZ          | 283                | 2              | 566     |
| 40.  | JALAN PENGGAWA     | 171                | 2              | 341     |
| 41.  | JALAN LADANG       | 1202               | 2              | 2403    |
| 42.  | JALAN KOSASS       | 217                | 1              | 217     |
| 43.  | PERSIARAN KOLEJ    | 186                | 1              | 186     |
| 44.  | JALAN MSN          | 157                | 2              | 315     |
| 45.  | JALAN ALUMNI       | 861                | 2              | 1722    |
| 46.  | LORONG LADANG TPU  | 219                | 1              | 219     |
| 47.  | JALAN SATELIT      | 2112               | 1              | 2112    |
| 48.  | JALAN MAKLUMAT     | 1198               | 2              | 2396    |
| 49.  | JALAN RUMPUN       | 309                | 2              | 618     |
| 50.  | LORONG RUMPUN 1    | 223                | 2              | 445     |
| 51.  | LORONG RUMPUN 2    | 254                | 2              | 508     |
| 52.  | LORONG RUMPUN 4    | 338                | 2              | 677     |
| 53.  | LORONG SATELIT 1   | 247                | 1              | 247     |
| 54.  | LORONG SATELIT 2   | 198                | 1              | 198     |
| 55.  | LORONG SATELIT 3   | 343                | 1              | 343     |
| 56.  | JALAN KOLEJ 17     | 1063               | 2              | 2127    |
| 57.  | JALAN PERUBATAN    | 746                | 2              | 1492    |

| BIL. | NAMA JALAN                | PANJANG<br>(Meter) | BIL.<br>LORONG | LANE-KM |
|------|---------------------------|--------------------|----------------|---------|
| 58.  | LEBUH SILIKON             | 2521               | 4              | 10086   |
| 59.  | PERSIARAN GOLF            | 803                | 2              | 1605    |
| 60.  | JALAN ARGOTECH            | 1108               | 1              | 1108    |
| 61.  | JALAN BANQUET             | 456                | 1              | 456     |
| 62.  | LORONG SILIKON            | 315                | 2              | 631     |
| 63.  | LORONG SISWAZAH 1         | 244                | 2              | 488     |
| 64.  | LORONG SISWAZAH 2         | 306                | 2              | 612     |
| 65.  | LORONG SISWAZAH 3         | 533                | 2              | 1066    |
| 66.  | PERSIARAN SISWAZAH        | 819                | 2              | 1639    |
| 67.  | PERSIARAN STADIUM         | 514                | 1              | 514     |
| 68.  | PERSIARAN MARDI-UPM       | 2818               | 2              | 5636    |
| 69.  | LEBUH UNIVERSITI<br>UTAMA | 2425               | 2              | 4850    |
| 70.  | LEBUH UNIVERSITI          | 1131               | 4              | 4524    |

## B. KAMPUS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK

| BIL. | NAMA JALAN      | PANJANG (M) | BIL. LORONG |
|------|-----------------|-------------|-------------|
| 1.   | Jalan Serapi    | 875         | 2           |
| 2.   | Jalan Mentalan  | 370         | 1           |
| 3.   | Jalan Meranja   | 512         | 2           |
| 4.   | Jalan Menyelit  | 46          | 2           |
| 5.   | Jalan Lubuk Koi | 63          | 1           |
| 6.   | Jalan Tama Abu  | 126         | 1           |
| 7.   | Jalan Sejinjang | 425         | 2           |
| 8.   | Jalan Sedanu    | 84          | 2           |
| 9.   | Jalan Mulu      | 200         | 2           |
| 10.  | Jalan Gading    | 382         | 1           |
| 11.  | Jalan Pueh      | 225         | 1           |
| 12.  | Jalan Santubong | 122         | 1           |
| 13.  | Jalan Penrissen | 78          | 1           |

| BIL. | NAMA JALAN     | PANJANG (M) | BIL. LORONG |
|------|----------------|-------------|-------------|
| 14.  | Jalan Silantek | 115         | 2           |
| 15.  | Jalan Murud    | 314         | 2           |
| 16.  | Jalan Brangsa  | 63          | 1           |
| 17.  | Jalan Benarat  | 27          | 2           |
| 18.  | Jalan Spaoh    | 90          | 2           |

JADUAL KEDUA  
(Kaedah 16)

Fi Pemulihan Pelanggaran dan Penyitaan Kenderaan  
atau Kenderaan Motor

Pada menjalankan tanggungjawab di bawah kaedah 16, Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Lalu Lintas Jalan) 2025, Bursar menetapkan kadar fi pemulihan dan penyitaan kenderaan atau kenderaan motor pada kadar seperti berikut:

| Ruang 1<br>(Jenis Fi)                                     | Ruang 2<br>(Tempoh bayaran/kadar fi)                              |                 |
|-----------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|-----------------|
| Fi Pemulihan Pelanggaran                                  | Dalam Tempoh 14 Hari                                              | Selepas 14 Hari |
|                                                           | RM50                                                              | RM100           |
| Fi Penyitaan Kenderaan Motor<br>(Penguncian Tayar)        | RM100<br>Alat Sita Hanya Akan Dibuka Selepas Pembayaran<br>Dibuat |                 |
| Fi Penyitaan Kenderaan Motor<br>(Tunda Kenderaan/ Towing) | Kos Sebenar Lori Tunda                                            |                 |
| Fi Ganti Rugi Kerosakan Alat Sita                         | RM500                                                             |                 |

Bertarikh pada

Bursar  
Universiti Putra Malaysia

JADUAL KETIGA  
[Seksyen 14(3)]

- (a) Pengarah Keselamatan
- (b) Pegawai Keselamatan
- (c) Penolong Pegawai Keselamatan
- (d) Pembantu Keselamatan

**No. 9888.**

**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**

**CONSTITUTION OF UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA RULES (TRAFFIC) 2026**

---

**ARRANGEMENT OF RULES**

---

**PART I**

**PRELIMINARY**

1. Name and Application
2. Definitions

**PART II**

**CAMPUS ROADS**

3. University Roads
4. Speed Limits and Traffic Signals
5. Enforcement of Road Safety in Campus
6. Removing Structures or Constructions from Roads on Campus

**PART III**

**PERMISSION TO BRING MOTOR VEHICLES INTO CAMPUS**

7. Written Permission from the Vice-Chancellor
8. Failure to Obtain Written Permission to Bring a Motor Vehicle into Campus
9. Failure to Display Written Permission from the Vice Chancellor to Bring a Motor Vehicle into the Campus
10. Establishing a Register of Written Permissions for Motor Vehicles to Enter the Campus

